

Pengerusi
Tan Sri Razali Ismail

Presiden
Rahmah Aziz
016-3065060

Naib Presiden
Baharom Abdul Rahman
012-3868819

Setiausaha 1
Yang Kalsom Omar
012-3046048

Setiausaha II
Nur Azmah Dato' Dr Johan
016-6533210

Bendahari
Tengku Fatimah T Ibrahim
03-92871508

Ahli Jawatankuasa:

Abdul Halim Ahmad
016-6812791

Datin Alma Azizah Ishak
03-40225544

Ahmad Murad Merican
019-3890332

Ismail Hashim
03-33715251

Mohd Ramly Omar
05-3126086

Ahmad Bin Din
03-87063864

Yang Maznah Mohd Noor
03-42567291

Fauziah Md Aziddin
016-2121985

Tengku Kalsom T Ibrahim
016-2557230

Mimi Halimah Abdul Wahid
017-8848765

Tengku Mazlan T Ibrahim
013-3523044

Aziz Abdul Kadir
03-78742425

Dr. Rohan Dato' Dr. Johan
03-40225544

Marina A Rahim
03-27168402

Dzulkefflee Harun
013-4390322

Ismail Yusof
019-2248183

Zulkifli Aziz
012-2068017

Assalamualaikum wbt Ahli Keluarga Dato' Jenaton

25 Januari 2004

Teringatkah lagi kepada Perjumpaan Pertama Keluarga Dato' Jenaton yang telah diadakan di Ipoh pada Disember 2002? Tak mungkin dapat kita melupakan peristiwa bersejarah itu di mana terkumpulnya 800 orang kaum keluarga Dato' Jenaton. Mungkin juga pada sebahagian besar kita, itulah pertama kali kita berkenalan dan menjejak kasih asal usul kita. Alhamdulillah, Perjumpaan bersejarah itu meninggalkan kesan yang mendalam kepada kita semua.

Berikut adalah perkembangan yang dapat kami kongsi bersama:

- Logo Berita Dato' Jenaton (lihat kepala surat) telah diluluskan oleh AJK.
- AJK sedang berusaha untuk mendaftarkan Persatuan K-Jenaton.
- Setelah pendaftaran diterima, kami akan adakan AGM dimana kesemua ahli Persatuan K-Jenaton dijangka hadir.
- Lawatan ke Bukit Tinggi, Indonesia telah dibuat oleh AJK pada Ogos 16-19, 2003. AJK berpeluang melihat sendiri sejarah Pagar Ruyong, tempat asal usulnya Dato' Jenaton, Dato' Setia dan pengikut-pengikutnya.
- Lawatan oleh AJK ke Makam Dato' Jenaton Dato' Setia yang terletak di kawasan Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang telah dilakukan pada Mei 1, 2003. Pembersihan persekitaran makam dan kerja baikpulih seperti memperbetulkan pagar dll telah dijalankan.
- Website Dato' Jenaton akan disiapkan secepat mungkin untuk dilayari dan akan menjadi bahan rujukan kepada generasi muda kita.
- 30 unit CD berkenaan Sejarah Dato' Jenaton dijual dengan harga RM10.00 sahaja. 30 unit VCD Perjumpaan Keluarga Dato' Jenaton di Ipoh dijual dengan harga RM20.00 sahaja. Sekiranya berminat untuk membeli, sila kirimkan cek atau mo atas nama Puan Rahmah Aziz dan kirim kepada alamat yang tertera di atas.

Program Akan Datang

- Perjumpaan Kedua Persatuan K-Jenaton akan diadakan pada Disember 4-5, 2004 (Sabtu dan Ahad), di Kolej Latihan Telekom, Taiping. Insya Allah.
- Berbagai aktiviti seperti Tahlil, Peraduan Melukis Kanak-Kanak, Lawatan Ke Night Safari Zoo Taiping, Karaoke, Mendaki Bukit Larut dll dalam perancangan.
- Penginapan hendaklah diurus sendiri. Akan tetapi AJK akan keluarkan senarai harga istimewa untuk kemudahan semua ahli yang berminat.
- Sumbangan Kewangan – sekiranya ingin menyumbang, sila salurkan terus kepada Akaun No. 564548106166 MBB ataupun melalui cek di atas nama Pn Rahmah Aziz. Pastikan anda menulis nama penuh di atas slip pembayaran dan kirim ke alamat di atas. AJK mengalu-alukan sumbangan anda dan kami ucapkan ribuan terima kasih daun keladi.

Sekiranya anda mempunyai pendapat yang boleh dikongsi, sila hubungi Presiden. Sekian, terima kasih hingga berjumpa lagi

Yang benar

RAHMAH AZIZ
Presiden